

HUBUNGAN DI ANTARA GAYA PEMBELAJARAN DENGAN PENCAPAIAN AKADEMIK PELAJAR

**Prof. Madya Dr. Azizi Hj. Yahaya
Yusof Boon
Shahrin Hashim
Wan Zuraidah Wan Hamid
Fakulti Pendidikan
Universiti Teknologi Maklumat
Skudai Johor**

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengetahui adakah terdapat hubungan di antara gaya pembelajaran dengan pencapaian akademik pelajar. Di samping itu, kajian ini juga ingin mengenalpasti gaya pembelajaran manakah yang diberi tumpuan atau keutamaan oleh pelajar serta adakah terdapat hubungan di antara faktor keluarga, pengajaran guru dan rakan sebaya dengan gaya pembelajaran. Seramai 120 orang pelajar tingkatan empat di Sekolah Menengah Kebangsaan UIu Tiram dan Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Skudai Baru telah terlibat sebagai responden. Soal selidik mengandungi soalan berbentuk demografik bagi mengetahui profil responden dan lapan puluh soal selidik yang berdasarkan instrument daripada "Learning Styles Questionnaires Honey and Mumford" (1992) serta tiga puluh soal selidik berkaitan dengan faktor keluarga, pengajaran guru dan rakan sebaya. Ujian korelasi Pearson digunakan untuk menganalisis data dalam kajian hubungan gaya pembelajaran dengan pencapaian pelajar. Di dapati nilai pekali r di antara gaya pembelajaran dengan pencapaian pelajar adalah 0.0 hingga 0.2. Ini menunjukkan tidak terdapat hubungan di antara dua pembolehubah tersebut, Kajian ini juga telah mendapati bahawa gaya pembelajaran dominan yang menjadi amalan para pelajar adalah Reflektor dan gaya pembelajaran sampingan adalah Teoris. Ini diikuti oleh gaya pembelajaran Pragmatis dan akhirnya gaya pembelajaran Aktivis. Hasil kajian menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan di antara gaya pembelajaran Reflektor, Teoris dan Pragmatis dengan faktor keluarga, pengajaran guru dan rakan sebaya. Tidak terdapat hubungan di antara gaya pembelajaran Teoris dengan faktor keluarga, pengajaran guru dan rakan sebaya. Diakhir kajian beberapa cadangan disertakan sebagai bahan rujukan dan panduan kepada semua pihak, agar dapat dimanfaatkan demi untuk kecemerlangan proses pengajaran dan pembelajaran.

Pengenalan

Institusi pendidikan memainkan peranan yang cukup besar dalam mendidik ke arah memenuhi matlamat dan hasrat Falsafah Pendidikan Negara. Matlamat utama institusi pendidikan adalah untuk menyediakan dan melengkapkan pelajar dalam menghadapi pekerjaan dan dunia sebenar. Bagi memastikan sekolah melaksanakan tugas ini dengan baik, maka prestasi anak didiknya dijadikan kayu pengukur.

Ilmu pengetahuan yang diperoleh melalui proses pembelajaran adalah suatu perkara yang penting kepada semua pelajar sebelum mereka menjejakkan kaki ke alam pekerjaan. Menurut Sheal (1994) pembelajaran ialah proses mental atau fizikal yang membawa kepada perubahan dalam tingkah laku. Kebijaksanaan bukan suatu elemen yang statik tetapi adalah satu sistem dinamik, terbuka yang sentiasa berkembang sepanjang hayat. Kebanyakan proses pembelajaran yang signifikan adalah daripada apa yang telah kita lakukan iaitu melalui tindakan dan pemerhatian.

Menurut Honey dan Mumford (1992), pembelajaran telah berlaku apabila manusia boleh mempamerkan sesuatu yang baru, sama ada dalam bentuk pemahaman, kesedaran, kemahiran. Dalam proses pembelajaran ini terdapat beberapa kecenderungan yang dimiliki dan diamalkan oleh individu. Kecenderungan ini termasuklah kecenderungan untuk memiliki pengalaman semasa mempelajari sesuatu, kecenderungan untuk mengimbas kembali, kecenderungan untuk membuat kesimpulan dan kecenderungan memastikan implementasi.

Hargreaves (1996), pembelajaran sebenarnya tiada hubungan dengan penambahan pengetahuan, mengingat semula apa yang telah dipelajari. Sebaliknya pembelajaran berkaitan dengan kefahaman prinsip-prinsip dan konsep-konsep asas yang boleh diaplikasikan kepada situasi dunia sebenar, Pembelajaran perlu dilihat sebagai perubahan kualitatif seseorang melihat, mengalami, memahami, dan menghayati sesuatu di dunia realiti. Apabila seseorang dapat melakukan perkaraperkara ini dengan sebaik mungkin, barulah boleh dikatakan bahawa pembelajaran telah menjadi tempat.

Sekolah juga merupakan satu institusi yang penting dalam membentuk generasi yang diingini dalam sesebuah negara. Selaras dengan wawasan 2020, peranan pendidikan untuk merealisasikan perubahan dan pencapaian Malaysia menjadi negara maju sepenuhnya merupakan agenda yang begitu mencabar dan kritikal. Lantaran itu, pencapaian pelajar dalam akademik menjadi kayu pengukur yang utama dalam menentukan kejayaan sesuatu sistem pendidikan tersebut.

Berdasarkan keputusan peperiksaan Penilaian Menengah Rendah dan Sijil Pelajaran Malaysia, didapati bilangan pelajar yang lulus telah bertambah dari tahun ke setahun. Walau bagaimanapun, sejumlah besar daripada pelajar yang lulus berada diperingkat sederhana sahaja. Dengan erti kata lain, keputusan peperiksaan mereka tidak begitu baik, Keadaan yang sama juga terdapat di Sekolah Menengah Kebangsaan Ulu Tiram dan di Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Skudai Baru.

Pelbagai usaha telah dan terus dijalankan serta dipertingkatkan oleh pihak pentadbir sekolah bagi memenuhi kehendak pendidikan dan meningkatkan prestasi akademik pelajar. Di antara usahanya ialah mengadakan kursus-kursus motivasi seperti Penerapan Budaya Belajar Berkesan, bengkel-bengkel kecemerlangan, memberi khidmat kaunseling, ceramah-ceramah dan sebagainya. Sekolah juga ada mengadakan kelas-kelas terancang untuk pelajar-pelajar baik dan kelas pemulihan untuk pelajar lemah. Namun masih ramai di antara pelajar yang mencapai tahap kelulusan yang mendatar dan Rendah, Di manakah silapnya sehingga mengakibatkan keadaan dan dilema ini membelenggu masyarakat semenjak dari dulu lagi. Apakah permasalahan-permasalahan tersebut dipengaruhi oleh perbezaan gaya pembelajaran para pelajar.

Sejak 1850, beberapa pakar tentang teori pembelajaran telah mengkaji tentang fenomena pembelajaran dan mengaplikasikan teori pembelajaran tersebut di dalam bilik darjah. Antaranya ialah Teori Pembelajaran Behavioris oleh Pavlov, Thomdike, dan Skinner, Teori Pembelajaran Kognitif oleh Kohler, Gagne, Bruner dan Ausubel, Teori Pembelajaran Sosial oleh Bandura, Teori Humanis oleh Rogers dan banyak lagi teori pembelajaran yang telah diaplikasikan dalam pembelajaran.

Di setiap sekolah terdapat pelbagai cara pembelajaran di kalangan pelajar seperti membaca, memerhati, berbincang, perlakuan, pembelajaran secara sendiri, pembelajaran secara berkumpulan, belajar dalam keadaan tenang, pembelajaran dengan memasang muzik dan sebagainya. Lantaran daripada itulah wujudnya lebih ramai penyelidik yang mengkaji mengenai gaya pembelajaran bagi mengetahui gaya pembelajaran yang mana lebih berkesan dan sesuai diamalkan oleh pelajar-pelajar.

Ekoran daripada itu jugalah terdetik di hati penyelidik untuk mengenal pasti gaya pembelajaran di kalangan pelajar SMKUT dan SMKTSB. Berdasarkan kajian yang telah dijalankan ini penyelidik menyandarkan model gaya pembelajaran Honey dan Mumford (1992) sebagai instrumen pengukuran. Mereka telah menghasilkan satu set Learning Styles Questionnaires (LSQ) yang mengandungi lapan puluh pernyataan yang menyatakan tentang tingkah laku pelajar. Pemilihan akan dibuat oleh responden sama ada bersetuju atau sebaliknya ke atas pernyataan yang diberikan. Setiap pernyataan dianalisis dan dihubungkan dengan gaya pembelajaran tertentu yang dikenal pasti sebagai pragmatis, aktivis, teoris dan reflektor.

LSQ dapat digunakan bagi mengenal pasti gaya pembelajaran tertentu individu yang terlibat. Menurut Honey dan Mumford (1992) dengan mengenal pasti gaya pembelajaran individu, ia bukan sahaja hanya dapat mengeksploitasi gaya pembelajaran yang diamalkan oleh individu malahan dapat meningkatkan potensi seseorang dalam proses pembelajaran.

Setelah gaya pembelajaran pelajar dapat dikenal pasti maka mudahlah proses pengajaran dan pembelajaran dilakukan. Para pendidik perlu menganjurkan pendekatan pengajaran supaya lebih proaktif serta responsif terhadap kumpulan sasaran yang menjadi sumber dan matlamat dunia pendidikan (Shaari, 1999). Dengan pendekatan pengajaran yang berbeza-beza para pengajar akan dapat memberi peluang dan pengalaman kepada pam pelajar yang mempunyai latar belakang gaya pembelajaran yang berbeza.

Pernyataan masalah

Permasalahan semasa yang telah dialami dalam negara menuju ke alaf milineum semenjak beberapa abad yang lalu mendapati bahawa tidak ramai pelajar di sekolah yang memperolehi keputusan cemerlang. Ada sesetengah daripada mereka yang berjaya tetapi pada peringkat yang sederhana. Ekoran daripada itulah, penyelidik ingin mengenal pasti sama ada prestasi pelajar dipengaruhi oleh gaya pembelajaran pelajar Adakah terdapat perbezaan dalam gaya pembelajaran di antara pelajar berprestasi cemerlang, sederhana dan rendah?

Gaya pembelajaran yang diamalkan oleh setiap individu adalah berbeza di antara satu sama lain. Seseorang pelajar mula membentuk gaya pembelajaran sejak awal kanak-kanak. Selepas itu, dia akan terus menggunakan gaya pembelajaran tersebut. Gaya pembelajaran yang diamalkan oleh seseorang pelajar, mungkin dipengaruhi oleh faktor-faktor tertentu. Menurut Dunn dan Dunn (1978), elemenelemen yang mempengaruhi gaya pembelajaran para pelajar adalah seperti persekitaran, emosi, sosiologi, fisiologi dan psikologi. Ekoran daripada itulah, penyelidik ingin mengetahui sama ada terdapat hubungan antara faktor-faktor seperti keluarga, pengajaran guru dan rakan sebaya dengan gaya pembelajaran.

Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti gaya pembelajaran yang terdapat di kalangan pelajar SMKUT dan SMKTSB dan menghubungkaitkan gaya pembelajaran tersebut dengan pencapaian pelajar Secara khususnya, objektif kajian adalah seperti berikut:

- (i) Untuk mengetahui gaya pembelajaran yang diberi keutamaan oleh pelajar dalam proses pembelajaran.
- (ii) Untuk mengenal pasti perhubungan di antara gaya pembelajaran dengan pencapaian akademik pelajar.
- (iii) Untuk mengetahui sama ada terdapat hubungan yang signifikan di antara faktor keluarga dengan gaya pembelajaran

- (iv) Untuk mengetahui sama ada terdapat hubungan yang signifikan di antara faktor pengajaran guru dengan gaya pembelajaran
- (v) Untuk mengetahui sama ada terdapat hubungan yang signifikan di antara faktor rakan sebaya dengan gaya pembelajaran

Skop dan Batasan Kajian

Kajian ini di jalankan di Sekolah Menengah Kebangsaan Ulu Tiram, Johor Bahru,(60 orang) dan Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Skudai Baru,(60 orang). Pelajar-pelajar Tingkatan Empat di sekolah ini merupakan populasi kajian Pemilihan sampel dibuat berdasarkan pelajar ini telah mengikuti peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR) yang merupakan satu ujian yang piawai.

Instrumen

Penyelidik telah membahagikan soal selidik kepada tiga bahagian. Bahagian A mengandungi maklumat peribadi pelajar yang perlu dijawab. Bahagian B mengandungi lapan puluh item yang telah diterjemahkan dan diubahsuaikan dari soal selidik gaya pembelajaran yang terdapat dalam The Manual of Learning Style oleh Honey dan Mumford (1992). Manakala Bahagian C mengandungi 30 soalan yang bertujuan untuk mengetahui sama ada terdapat hubungan yang signifikan di antara

Kajian Rintis

Kajian rintis telah dijalankan sebelum kajian sebenar dimulakan. Tujuan utama kajian rintis dijalankan adalah bagi menentukan kebolehpercayaan soal selidik, Oleh yang demikian, kajian ini telah dijalankan ke atas 10 orang pelajar tingkatan empat di Sekolah Menengah Seri Skudal, Johor Bahru. Nilai kebolehpercayaan yang telah diperolehi ialah 0.9060. Menurut Mohd Najib (1998), sekiranya mendapat nilai koefisien yang tinggi iaitu 0.8 ke atas, kebolehpercayaan adalah tinggi. Oleh yang demikian, soal selidik yang dibuat mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi

Penganalisaan Data

Penganalisaan data adalah bahagian yang penting dalam sesuatu kajian yang dibuat. Justeru itu, data-data yang diperolehi dianalisis dan diproses menggunakan komputer dengan perisian Statistic Package For Social Science (SPSS) For WINDOW release 10.0. Program SPSS ini digunakan kerana ia lebih mudah serta dapat menjimatkan masa

Pendekatan yang digunakan dalam menganalisis data adalah pendekatan statistik deskriptif dan inferensi. Secara deskriptif, data yang diperoleh akan dibentangkan dalam jadual yang menunjukkan bentuk taburan kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai. Penyelidik akan menggunakan pendekatan inferensi seperti korelasi pearson. Pendekatan inferensi digunakan untuk merumus dan mentafsir data dengan lebih terperinci.

Hasil Kajian

Gaya Pembelajaran Yang Diberi Keutamaan Dalam Proses Pembelajaran

Keputusan daripada hasil kajian mendapati bahawa sebilangan besar pelajar mengamalkan gaya pembelajaran *Reflektor* dan diikuti oleh gaya pembelajaran *Teoris* sebagai gaya pembelajaran kedua kerap. Seterusnya disusuli oleh gaya pembelajaran *Pragmatis* dan *Aktivis*, Maklumat ini menunjukkan bahawa majoriti pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Ulu Tiram, Johor Bharu, Johor dan Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Skudai Baru mengamalkan gaya belajar Reflektor.

Gaya pembelajaran yang kedua banyak diamalkan oleh pelajar adalah gaya pembelajaran Teoris. Berdasarkan kajian Honey & Mumford (1992), pelajar Teoris menggunakan fikirannya yang logik dan rasional dalam membuat sesuatu keputusan. Pelajar jenis ini biasanya berminat kepada teori-teori dan menganalisis. Mereka lebih cenderung ke arah ketepatan dan kesempurnaan. Mereka rasa kurang senang dengan perkara yang tiada ketentuan dan tidak teratur.

Gaya pembelajaran yang kurang diamalkan oleh pelajar adalah Pragmatis dan Aktivis. Menurut Hon dan Mufrad (1992), pelajar yang mengamalkan gaya pembelajaran Pragmatis adalah pelajar yang berminat dalam menguji keberkesanan sesuatu teori, model, teknik melalui aplikasinya

Dapatan yang boleh dikatakan membimbangkan adalah di mana tidak ramai pelajar yang mengamalkan gaya pembelajaran Aktivis. Pelajar jenis ini gemar mencari pengalaman baru. Golongan aktivis adalah golongan yang kreatif dan dapat mewujudkan idea serta jalan penyelesaian yang menarik dalam situasi-situasi pengajaran dan pembelajaran yang ditimbulkan oleh guru. Kelemahan mereka adalah sering mengambil sesuatu tindakan tanpa berfikir dengan lebih mendalam.

Secara keseluruhannya, hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa majoriti pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Ulu Tiram, Johor Baru, Johor dan Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Suai Baru mengamalkan gaya pembelajaran Refleksi.

Nilai min tertinggi bagi setiap ITM gaya pembelajaran

Daripada analisis ke atas setiap ITM gaya pembelajaran, didapati bahawa ITM yang kelapan belas mempunyai nilai min tertinggi bagi gaya pembelajaran Reflektor iaitu sebanyak 2.88. Di mana sebilangan besar responden bersetuju dengan pernyataan bahawa berfikir dahulu dengan cermat sebelum bertindak adalah lebih baik. Pelajar akan berfikir dengan sebaik yang mungkin sebelum bertindak, bagi memastikan segala apa yang dilakukan itu memuaskan dan memperolehi kejayaan.

Bagi gaya pembelajaran Teoris, item ketiga belas mencatatkan nilai min tertinggi iaitu sebanyak 2.82. Di mana pelajar yakin bahawa pemikiran yang rasional dan logikal akan membawa kejayaan akhirnya. Bagi gaya pembelajaran Pragmatis, item yang kesembilan belas mempunyai nilai min tertinggi iaitu sebanyak 2.78. Di mana sebilangan besar responden bersetuju dengan pernyataan bahawa ia akan lakukan apa sahaja yang wajar untuk membereskan tugas. Manakala bagi gaya pembelajaran aktivis pula, item ketujuh mencatatkan nilai min tertinggi iaitu sebanyak 2.85. Di mana pelajar seronok bergaul dengan orang yang ceria dan spontan.

Hubungan Di antara Gaya Pembelajaran Dengan Pencapaian Akademik Pelajar

Hubungan di antara gaya pembelajaran dengan pencapaian akademik pelajar di analisis berdasarkan beberapa gaya pembelajaran iaitu gaya belajar Reflektor, Teoris, Pragmatis dan Aktivis.

Daripada analisis ke atas gaya belajar pelajar dan hubungannya dengan pencapaian pelajar, didapati bahawa kesemuanya menunjukkan indeks korelasi yang negatif. Di mana hubungan di antara gaya belajar dengan pencapaian akademik adalah songsang. Di bawah aras keertian 0.01 yang dipilih dan nilai korelasi r yang diperolehi dari empat gaya belajar tersebut adalah di antara 0.0 hingga 0.2.

Hubungan Di antara Gaya Pembelajaran Dengan Pencapaian Akademik Pelajar

Hubungan di antara gaya pembelajaran dengan pencapaian akademik pelajar di analisis berdasarkan beberapa gaya pembelajaran iaitu gaya belajar Reflektor, Teoris, Pragmatis dan Aktivis. Daripada analisis ke atas gaya belajar pelajar dan hubungannya dengan pencapaian pelajar, didapati bahawa kesemuanya menunjukkan indeks korelasi yang negatif. Di mana hubungan di antara gaya belajar dengan pencapaian akademik adalah songsang. Di bawah aras keertian 0.01 yang dipilih dan nilai korelasi r yang diperolehi dari empat gaya belajar tersebut adalah di antara 0.0 hingga 0.2.

Manakala, nilai signifikan p adalah lebih besar daripada 0.05 iaitu di antara 0.173 hingga 0.435. Situasi itu menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara gaya belajar pelajar dengan pencapaian akademik. Secara keseluruhan berdasarkan empat gaya belajar tersebut, dapat disimpulkan bahawa gaya belajar pelajar tidak mempengaruhi pencapaian akademik di dalam proses pembelajaran.

Hubungan Di antara Faktor-Faktor Keluarga, Pengaruh Guru dan Rakan Sebaya Dengan Gaya Pembelajaran

Faktor-faktor keluarga, pengaruh guru dan rakan sebaya dianalisis berdasarkan beberapa gaya pembelajaran iaitu Reflektor, Teoris, Pragmatis dan Aktivis bagi melihat hubungan di antara pembolehubah-pembolehubah tersebut.

Rumusan Hubungan Di antara Faktor Keluarga Dengan Gaya Pembelajaran

Keputusan daripada hasil kajian mendapati bahawa wujudnya hubungan yang signifikan di antara gaya belajar Reflektor ($p=0.001$), Teoris ($p=0.044$), Pragmatis ($p=0.001$) dengan faktor keluarga. Di mana faktor keluarga memainkan peranan penting dalam pembentukan gaya belajar pelajar.

Hubungan di antara gaya belajar Aktivis dengan faktor keluarga di mana tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara duapembolehubah ini dengan catatan nilai signifikannya adalah $p=0.457$. Berdasarkan maklumat yang diperolehi, penyelidik dapati bahawa gaya belajar tidak kesemuanya dipengaruhi oleh faktor keluarga.

Hubungan Di antara Faktor Pengajaran Guru Dengan Gaya Pembelajaran

Faktor guru dan cara mengajarnya merupakan faktor yang penting dalam mempengaruhi gaya pembelajaran pelajar (Winkel, W.S. 1998). Hasil dapatan kajian penyelidik ke atas gaya belajar, didapati bahawa wujudnya hubungan yang signifikan di antara gaya belajar Reflektor ($p=0.001$), Teoris ($p=0.044$), dan Pragmatis ($p=0.001$) dengan faktor pengajaran guru.

Berlainan pula dengan gaya belajar Aktivis, di mana nilai signifikan yang tercatat pada jadual ialah 0.091 pada aras signifikan $p=0.01$, ianya menunjukkan bahawa nilai $p > 0.05$. Manakala indeks korelasinya ialah 0.155 dan ini menunjukkan hubungan yang sangat lemah.

Hubungan Di antara Faktor Rakan Sebaya Dengan Gaya Pembelajaran

Daripada analisis secara keseluruhan ke atas gaya pembelajaran dan hubungannya dengan faktor rakan sebaya, didapati bahawa wujudnya hubungan yang signifikan di antara gaya belajar Reflektor ($p=0.001$), Teoris ($p=0.005$), dan Pragmatis ($p=0.066$) dengan faktor rakan sebaya. Berdasarkan maklumat yang diperolehi, jelas menunjukkan bahawa rakan sebaya memainkan peranan penting dalam pembentukan gaya belajar di kalangan pelajar.

. Hasil yang diperolehi menunjukkan wujudnya hubungan yang signifikan di antara faktor rakan sebaya dengan tabiat belajar

Jika dilihat akan gaya belajar Aktivis, hasil yang diperolehi berlainan dengan gaya belajar yang lain. Di mana gaya belajar aktivis tidak menunjukkan hubungan yang signifikan dengan rakan sebaya berbanding dengan gaya belajar Reflektor, Teoris, dan Pragmatis. Pembentukan gaya belajar aktivis mungkin dipengaruhi oleh faktor-faktor lain seperti faktor guru, bahan rujukan, latar belakang, kecerdasan dan sekolah.

Implikasi Hasil Kajian

Kajian ini dapat digunakan oleh para guru sebagai pengisian untuk mereka memperbaiki mutu pengajaran agar dapat melaksanakan pengajaran dan pembelajaran dengan lebih berkesan, Kajian **ini** juga dapat memberi kesedaran kepada pihak guru bahawa terdapat gaya pembelajaran yang berbeza-beza di kalangan pelajar Daripada pengetahuan berhubung dengan gaya pembelajaran yang wujud ini dapatlah pihak guru merancang satu kaedah gaya pembelajaran yang berkesan kepada pelajar yang diajar.

Namun begitu ianya memerlukan sokongan dari guru-guru lain dalam mencipta gaya pembelajaran yang benar-benar berkesan, Ini adalah disebabkan di antara guru-guru juga mempunyai gaya pembelajaran yang berlainan. Tanpa bantuan guru lain sudah pasti gaya pembelajaran yang akan dilaksanakan adalah berpandukan cita rasa guru berkenaan.

Pihak sekolah dan kementerian juga boleh memanfaatkan kajian *ini* sebagai pembuka laluan kepada mereka untuk mencari jalan terbaik bagi melahirkan guru yang mampu melaksanakan pengajaran dan pembelajaran mereka dengan berkesan, seiring dengan gaya pembelajaran pelajar.

Cadangan

Hasil daripada rumusan serta perbincangan, beberapa cadangan dikemukakan bagi meningkatkan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran serta mengoptimumkan gaya pembelajaran pelajar. Cadangan yang telah dikenal pasti ialah

- i. Mengeksplotasikan kelebihan-kelebihan yang terdapat pada setiap gaya pembelajaran. Sekiranya pelajar mengamalkan gaya belajar Reflektor, maka perlulah lebihkan aktiviti-aktiviti pengumpulan maklumat terperinci dan bahan-bahan rujukan. Jika pelajar mengamalkan gaya pembelajaran Teoris, maka banyakkkan penerangan konsep. Manakala, jika pelajar itu mengamalkan gaya pembelajaran Pragmatis, maka berikan banyak contoh-contoh yang praktikal. Begitu juga, sekiranya pelajar mengamalkan gaya pembelajaran Aktivis, maka lebihkan aktiviti-aktiviti berkumpulan yang berbeza-beza.
- ii. Semasa proses pengajaran dan pembelajaran para pendidik perlu menghasilkan komunikasi yang jelas dan tegas tetapi fleksibel.
- iii. Menerapkan kaedah di mana pelajar mencari penyelesaiannya sendiri dan memberi peluang kepada pelajar memberi idea atau penemuan-penemuan baru.
- iv. Pelajar perlu diberikan tugas dalam bentuk praktikal kerana kaedah ini dapat membimbing pelajar dalam mengaitkan konsep dan teori yang dipelajari dengan aplikasi sebenar.
- v. Pendidik dan pelajar digalakkan mengenal dan memahami gaya pembelajaran sendiri, di samping gaya pembelajaran individu lain.

Cadangan Kajian Lanjutan

Pengkaji telah menyenaraikan beberapa cadangan sebagai panduan untuk kajian masa depan. Cadangan tersebut adalah seperti berikut:

- i. Pengambilan sampel daripada 2 buah sekolah menengah adalah tidak mencukupi kerana bilangan responden dalam setiap sekolah hanya 60 orang, sedangkan gaya pembelajaran yang dikaji terdiri dari empat gaya pembelajaran, Oleh itu dicadangkan agar kajian seumpama ini diperluaskan kepada bilangan sampel yang lebih besar.
- ii. Sampel kajian ini telah memfokuskan kepada pelajar maka disarankan agar kajian diperluaskan dengan mengenal pasti gaya pembelajaran para pendidik.

- iii, Kajian ini telah dijalankan ke atas pelajar sekolah. Oleh itu dicadangkan agar kajian seumpama ini dapat meliputi pelajar di institusi pengajian tinggi dan di maktab-maktab.

Bibliografi

- Block, J., & Tarula, E.(1963). Identification, ego, control and rebellions. "Child Development," 34, 945 – 953.
- Coopersmith, S.C. (1967). "The Antecedents of Self-Esteem." San Francisco: W. F. Freeman and Company.
- Coopersmith, S.C. (1987). "Self-Esteem Inventories." California: Consulting Psychologists Press, Inc.
- Demo, D.H., Small, S.A., & Savin-Williams, R.C.(1987). "Family relations and the self-esteem of adolescents and their parents." *Journal of Marriage and the family*, 49, 705-715.
- Erikson, E.H. (1963). "Childhood and Society." New York: Norton.
- Gecas, V.(1971). "Parental behaviour and dimensions of adolescent self-evaluation" *Sociometry*,34, 466-482.
- Hall, E.(1982). "Child psychology today." New York: Random House.
- Litvosky, V.G., & Dusek, J.B. (1985). "Perceptions of child rearing and self-concept development during the early adolescent years." *Journal of Youth and Adolescence*, 14(5), 373-387.
- Mohd.Majid Konting (1990). "Kaedah Penyelidikan Pendidikan." Kuala Lumpur:Dewan Bahasa dan Pustaka. Kementerian Pendidkikan Malaysia.
- Mohd.Najib Ghafar (1998). "Penyelidikan Pendidikan ." Skudai : Universiti Teknologi Malaysia.
- Ranjit Singh Malhi(1997). "Harga Diri." Kuala Lumpur: Self Esteem Seminars Sdn.Bhd.
- Roger, D.(1985). "Adolescents and youth." Prentice-Hall, Englewood Chiffs. New Jersey.
- Rosenberg,M.(1979). "Adolescents and youth." Prentice-Hall, Englewood Chiffs. New Jersey.